

05/03/1999

Pementasan Puteri Saadung mulai 29 Mei

Jamudin Idris

TEATER Puteri Saadung bakal menjadi pementasan drama yang hebat kerana ia menggabungkan seniman lama yang terkenal dengan artis baru yang ternama dalam mengangkat kebudayaan dan kesenian Kelantan.

Kehadiran Seniman Negara, Hamzah Awang Amat dan bekas primadona makyung, Khatijah Awang berganding bahu dengan artis seperti Raja Azura, Juhara Ayub, Sabri Yunus, Zulkifli Ismail, Anne Hamid dan Wan Hanafi Su dan beberapa pelakon lain diharap pementasan itu menjadi yang terbaru dan membuka tirai pementasan bagi teater besar tahun ini.

Lebih penting lagi drama separuh muzikal itu mengangkat pelbagai kesenian Kelantan seperti dikir barat, wayang kulit, makyung dan selampit.

Drama ini akan dipentaskan mulai 29 Mei hingga 4 Jun di Auditorium Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Ia dijayakan oleh Kumpulan Seni Budaya Kelantan dengan Yayasan Belia Malaysia.

Yayasan Belia Malaysia akan mengadakan pementasan dan majlis makan malam pada 15 Mei di Hotel Istana. Majlis itu dijangka turut dihadiri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Skrip dan arahan dilakukan oleh Sharifuddin Abdul Rahman. Tiket masuk dijangka RM20.

Penaung pementasan, Datuk Nordin Razak, berkata usaha pementasan ini sangat baik memandangkan teater di Kelantan sudah lama mengalami 'kegawatan dalam setiap aspek'.

Jika tahun 1960-an dan 70-an Kelantan terkenal dengan pelbagai kesenian tetapi sekarang keadaan sebaliknya dan ramai yang terpaksa berpindah ke Kuala Lumpur.

Beliau berkata, kerana teater sudah berkembang pesat, penggiat perlu memastikan mereka mampu mengisi Panggung Negara dan jangan dibiarkan diisi oleh orang asing.

Pengerusi majlis makan malam itu, Datuk Suhaimi Ibrahim, berkata pementasan ini untuk mendekatkan belia dengan kegiatan kesenian bangsa.

Drama ini menekankan mengenai perjuangan wanita, pengorbanan yang dilakukan dan yang lebih penting kebijaksanaannya mengelak peperangan.

(END)